

296 - Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin `Urwah daripada Fatimah binti al-Munzir daripada Asmaa' binti Abi Bakar Ash-Shiddiq, katanya: “Ada seorang perempuan bertanya kepada Rasulullah s.a.w., katanya: “Wahai Rasulallah, bagaimana jika kain seseorang daripada kami terkena darah haidh, apakah yang harus dilakukannya?”. Rasulullah s.a.w. menjawab: “Apabila kain seseorang daripada kamu terkena darah haidh, maka hendaklah dia menggosoknya (menyentalnya), kemudian membasuhnya dengan air, selepas itu bolehlah dia memakainya untuk shalat.”

٢٩٦ - حَدَّثَنَا أَصْبَغُ قَالَ أَخْبَرَنِي ابْنُ وَهْبٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عَمْرُو بْنُ الْحَارِثِ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْقَاسِمِ حَدَّثَهُ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَتْ إِحْدَانَا تَحِيضُ ثُمَّ تَقْتَرِصُ الدَّمَ مِنْ ثَوْبِهَا عِنْدَ طَهْرِهَا فَتَغْسِلُهُ وَتَنْضِجُ عَلَى سَائِرِهِ ثُمَّ تُصَلِّي فِيهِ

297 - Ashbagh meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu Wahb meriwayatkan kepada saya, katanya: `Amru bin al-Harits meriwayatkan kepada saya daripada `Abdur Rahman bin al-Qasim, beliau meriwayatkan daripada ayahnya daripada `Aaisyah r.a, katanya: “Setelah suci daripada haidh, kami (terlebih dahulu) menyental bahagian kain yang terkena darah haidh lalu membasuhnya di samping membasuh keseluruhan kain itu. Kemudian memakainya untuk bersembahyang.”

## ١٠ - بَابُ اغْتِكَافِ الْمُسْتَحَاضَةِ

### 10- Bab: I'tikaf Mustahadhah (Wanita Beristihadhah).<sup>257</sup>

٢٩٨ - حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ قَالَ حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ خَالِدٍ عَنْ عِكْرَمَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اغْتِكَفَ مَعَهُ بَعْضُ نِسَائِهِ وَهِيَ مُسْتَحَاضَةٌ تَرَى الدَّمَ فَرُبَّمَا وَضَعَتِ الطَّسْتَ تَحْتَهَا مِنَ الدَّمَ وَزَعَمَ أَنَّ عَائِشَةَ رَأَتْ مَاءَ الْعُصْفَرِ فَقَالَتْ كَأَنَّ هَذَا شَيْءٌ كَانَتْ فُلَانَةٌ تَجِدُهُ

<sup>257</sup> Tujuan Imam Bukhari r.a. mengemukakan bab ini ialah untuk menerangkan kedudukan ibadat wanita yang beristihadhah. Wanita mustahadhah sama seperti wanita dalam keadaan suci daripada haidh. Mereka tidak terlepas daripada kewajipan sembahyang dan puasa. Mereka juga boleh mengerjakan ibadat-ibadat sunat lain seperti beri'tikaf. Darah istihadhah yang keluar tidak menghalang mereka untuk berada di dalam masjid dengan tujuan bersembahyang dan beri'tikaf. Apa yang perlu dilakukan oleh mustahadhah ialah mengemaskan dirinya agar darahnya tidak tumpah di dalam masjid.

298 - Ishaq meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid bin Abdillah meriwayatkan kepada kami daripada Khalid daripada `Ikrimah daripada `Aaisyah r.a. bahawa salah seorang isteri Nabi s.a.w. yang beristihadhah pernah beri'tikaf bersama beliau. Kadangkala dia meletakkan bekas di bawah punggungnya kerana darah yang keluar. Perawi (`Ikrimah) berkata bahawa apabila `Aaisyah r.a. melihat air celupan merah (ushfur), beliau lantas berkata: "Merahnya macam darah (istihadhah) yang keluar daripada si fulanah."<sup>258</sup>

٢٩٩ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ عَنْ خَالِدٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ اِعْتَكَفْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ امْرَأَةً مِنْ أَزْوَاجِهِ فَكَأَنَّتْ تَرَى الدَّمَ وَالصُّفْرَةَ وَالطَّسْتُ تَحْتَهَا وَهِيَ تُصَلِّي

299 - Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid bin Zurai' meriwayatkan kepada kami daripada Khalid daripada Ikrimah daripada `Aaisyah r.a., katanya: "Salah seorang isteri Nabi s.a.w. pernah beri'tikaf bersama beliau. Dia mengalami istihadhah dan nampak darah (berwarna) kekuningan. Ketika bersembahyang dia menadah darah dengan meletakkan bekas di bawah punggungnya."

٣٠٠ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا مُعْتَمِرٌ عَنْ خَالِدٍ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ بَعْضَ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ اِعْتَكَفَتْ وَهِيَ مُسْتَحَاضَةٌ

300 - Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Mu'tamir meriwayatkan kepada kami daripada Khalid daripada `Ikrimah daripada `Aaisyah r.a. bahawa ada salah seorang isteri Nabi s.a.w. beriktikaf dalam keadaan beristihadhah.<sup>259</sup>

## ١١ - بَابُ هَلْ تُصَلِّي الْمَرْأَةُ فِي تَوْبٍ حَاضَتْ فِيهِ

### 11 - Bab: Bolehkah Perempuan Bersembahyang Menggunakan Kain Yang Dipakainya Pada Ketika Haidh?<sup>260</sup>

<sup>258</sup> Si fulanah yang dimaksudkan di sini boleh jadi Saudah atau Ummu Habibah atau Ummu Salamah r.a. Kerana mereka semua pernah beristihadhah. Tetapi berdasarkan riwayat Sa'id bin Manshur di dalam Sunannya isteri Nabi s.a.w. yang berkenaan ialah Ummu Salamah r.a.

<sup>259</sup> Ketiga-tiga hadits di bawah bab ini dengan jelas menyangkal pendapat sesetengah 'ulama' seperti Ibnu al-Jauzi dan lain-lain yang mengatakan bahawa tidak ada seorang pun isteri Nabi s.a.w. pernah beristihadhah.

٣٠١ - حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ قَالَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ أَبِي نَجِيحٍ عَنْ مُجَاهِدٍ قَالَ قَالَتْ عَائِشَةُ مَا كَانَ لِاحِدَانَا إِلَّا تَوْبٌ وَاحِدٌ تَحِيضُ فِيهِ فَإِذَا أَصَابَهُ شَيْءٌ مِنْ دَمٍ قَالَتْ بَرِيقَهَا فَقَصَعَتْهُ بِظُفْرِهَا

301 - Abu Nu`aim meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibrahim bin Nafi` meriwayatkan kepada kami daripada Ibni Abi Najih daripada Mujahid, katanya: `Aaisyah r.a. menceritakan, kata beliau: "Pernah kami mempunyai hanya sehelai kain sahaja. Kain itulah juga yang dipakai semasa berhaidh. Jika kain itu terkena sedikit darah, kami akan meludahnya (tempat yang terkena sedikit darah itu) dan mengutusnya dengan kuku."<sup>261</sup>

## ١٢ - بَابُ الطَّيِّبِ لِلْمَرْأَةِ عِنْدَ غَسْلِهَا مِنَ الْمَحِيضِ

### 12 - Bab: Pewangi Untuk Perempuan Apabila Selesai Mandi Kerana Bersuci Daripada Haidh.<sup>262</sup>

<sup>260</sup> Pada pandangan Syah Waliyullah maksud Imam Bukhari r.a. mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan kesucian kain yang dipakai oleh seseorang perempuan ketika berhaidh jika darah haidh tidak mengenainya dan keharusan mereka memakainya untuk bersembahyang. Kerana jika syari'at memestikan mereka memakai kain lain untuk bersembahyang walaupun kain itu tidak terkena darah haidh, niscaya akan menyukarkan orang-orang yang tidak berkemampuan dan ini adalah sesuatu yang bercanggah dengan perinsip Islam yang menghendaki penganutnya tidak mengalami kesukaran dalam beragama. Menurut Syaikh Fakhruddin (salah seorang Syaikhul Hadits yang terkenal di Darul 'Uloom Deoband), di sini Imam Bukhari r.a. bermaksud menyabitkan kesucian peluh perempuan berhaidh seperti mana beliau telah menyabitkan kesucian peluh orang yang berjunub di dalam Kitab al-Ghusl yang lalu. Alasannya ialah jika peluh perempuan berhaidh itu kotor, tentulah kain yang dipakainya semasa berhaidh itu wajib dibasuh sama ada ia terkena darah atau tidak. Padahal mengikut hadits `Aaisyah r.a. di atas, kain yang dipakai semasa berhaidh itu baru di bersihkan apabila ia terkena darah. Ertinya jika tidak terkena darah, ia tidak dibersihkan atau dibasuh kerana ia tidak kotor. Seperkara lagi yang menarik mengenai tajuk bab ini ialah Imam Bukhari r.a. memulakannya dengan perkataan هَلْ yang merupakan kata tanya. Apa perlunya beliau bertanya di sini. Bukankah sudah jelas bahawa kain yang bersih boleh dipakai untuk bersembahyang?! Jawapan-jawapan berikut mungkin dapat merungkai kemusykilan yang tersirat di sebalik perkataan هَلْ ini. Pertama: Di dalam hadits `Aaisyah r.a. dibawah bab ini tidak tersebut pun tentang para isteri Nabi s.a.w. atau para sahabiyyat Baginda s.a.w. menggunakan kain yang telah dipakai mereka semasa berhaidh itu untuk bersembahyang. Oleh itu wajar sekali pertanyaan beliau di dalam tajuk bab di atas. Kedua: Jawapan perkataan هَلْ ini memanglah tidak terdapat di dalam hadits di atas, tetapi ia terdapat di dalam hadits-hadits lain misalnya hadits yang diriwayatkan oleh Abu Daud di dalam Sunannya. Oleh kerana ia tidak menepati syarat beliau untuk Sahih Bukhari, maka hadits itu tidak dikemukakan beliau di sini. Bagaimanapun ia tetap boleh dijadikan panduan. Ketiga: Imam Bukhari r.a. sering kali menggunakan perkataan هَلْ apabila sesuatu hadits mempunyai beberapa kemungkinan (ihtimalat) seperti dapat anda lihat pada hadits `Aaisyah r.a. di atas. Imam Bukhari r.a. juga kerap menggunakan perkataan هَلْ apabila sesuatu hadits kelihatan berlawanan dengan hadits yang lain. Method ini digunakan oleh Bukhari r.a. untuk mengasah fikiran pembacanya dalam menanggapi sesuatu hadits.

<sup>261</sup> Antara panduan yang dapat diambil dari hadits ini mengikut al-'Aini ialah: (1) Keharusan menghilangkan najis dengan tidak menggunakan air (mutlaq). (2) Dalam menghilangkan najis bilangan basuhan tidak disyaratkan. Apa yang perlu ialah menghilangkannya atau membersihkannya.

<sup>262</sup> Ada beberapa pendapat 'ulama' tentang maksud Bukhari r.a. r.a. mengadakan bab ini. Pertama: Beliau bermaksud menyatakan pemakaian wangian selepas mandi bersuci daripada haidh oleh perempuan walaupun dalam keadaan berkabung atas kematian suami adalah diharuskan.

٣٠٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الْوَهَّابِ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ حَفْصَةَ عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ كُنَّا نُنْهَى أَنْ نُجِدَّ عَلَى مَيِّتٍ فَوْقَ ثَلَاثٍ إِلَّا عَلَى زَوْجِ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا وَلَا نَكْتَحِلَ وَلَا نَتَطَيَّبَ وَلَا نَلْبَسَ ثَوْبًا مَصْبُوعًا إِلَّا ثَوْبَ عَصَبٍ وَقَدْ رُخِّصَ لَنَا عِنْدَ الطُّهْرِ إِذَا اغْتَسَلَتْ إِحْدَانَا مِنْ مَحِيضِهَا فِي بُدْءِ مِنْ كُسْتٍ أَظْفَارٍ وَكُنَّا نُنْهَى عَنِ اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ رَوَاهُ هِشَامُ بْنُ حَسَّانَ عَنْ حَفْصَةَ عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

302- `Abdullah bin `Abdil Wahab meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaad bin Zaid meriwayatkan kepada kami daripada Ayyub daripada Hafsa daripada Ummi `Athiyyah r.a. daripada Nabi s.a.w. Kata Ummu `Athiyyah r.a.: “Kami dilarang berkabung kerana kematian sesiapa pun lebih daripada tiga hari, kecuali kerana kematian suami iaitu selama empat bulan sepuluh hari. Kami (juga) dilarang bercelak, memakai wangi-wangian dan memakai kain yang berwarna (semasa berkabung itu), kecuali kain biasa (yang tidak menampakkan sebarang kecantikan dan perhiasan diri). Apabila suci daripada haidh dan selesai mandi kerana bersuci daripadanya, kami dibenarkan memakai sedikit Kusti Azfar (nama wangian).<sup>263</sup> Dahulu kami (juga) dilarang mengikuti jenazah.”

Abu Abdillah berkata: Hisyam bin Hassan (juga) meriwayatkannya daripada Hafsa daripada Ummi `Athiyyah r.a. daripada Nabi s.a.w.<sup>264</sup>

---

Kedua: Setelah suci daripada haidh dan selesai mandi mengangkat hadats, seseorang perempuan itu digalakkan dan dianjurkan supaya memakai wangian khususnya di bahagian kemaluannya. Ia juga boleh mengukupi dirinya dengan sebarang ukupan agar tubuh kembali segar dan berbau wangi. Ketiga: Ketika mandi bersuci daripada haidh, elok sekali seseorang perempuan itu membersihkan dirinya dengan wangisn seperti sabun dan lain-lain. Keempat: Tajuk bab ini merupakan tarjamah syarihah (tajuk yang berperanan menjelaskan maksud sesuatu perkataan atau sesuatu perkara yang tersebut di dalam hadits di bawahnya). Bagi Bukhari r.a. r.a. bahan pewangi yang tersebut di dalam hadits ini iaitu Kusti Azfar atau di dalam hadits-hadits yang lain disebutkan kasturi, bukanlah sesuatu yang mesti digunakan. Apa yang dikehendaki ialah sebarang pewangi yang sesuai dengan seseorang. Kelima: Memakai wangian selepas mandi bersuci daripada haidh adalah sesuatu yang sangat dituntut oleh Syara'. Sebabnya ialah jika perempuan yang berkabung pun dibenarkan memakai wangian selepas bersuci daripada haidh, maka perempuan yang tidak dalam perkabungan tentulah lebih-lebih lagi dibenarkan malah dituntut.

<sup>263</sup> Kusti Azfar mengikut pendapat sesetengah `ulama' adalah nama kepada sejenis wangian. Sesetengah yang lain pula berpendapat Kusti Azfar itu nama kepada dua jenis wangian iaitu Kusti dan Azfar dengan dihafazkan (dibuangkan) haraf و atau di antara dua perkataan tersebut. Hakikat ini dapat dilihat umpamanya di dalam riwayat Muslim. Ada juga `ulama' yang berpendapat yang sebetulnya bukan Kusti Azfar tetapi Kusti Zafar. Ya'ni ia dibaca dengan idhafat. Ertinya ialah kayu gaharu yang datang dari Zafar, iaitu nama satu tempat di Yaman. Orang-orang `Arab pada ketika itu biasanya menggunakan kayu gaharu atau Kusti sebagai bahan ukupan.

<sup>264</sup> Riwayat Hisyam ini dikemukakan sendiri oleh Bukhari r.a. r.a. di dalam Kitab at-Thalaq.

١٣ - بَابُ ذَلِكَ الْمَرْأَةِ تَطَهَّرَتْ إِذَا تَطَهَّرَتْ مِنَ الْمَحِيضِ وَكَيْفَ تَغْتَسِلُ وَتَأْخُذُ فِرْصَةً مُمَسَّكَةً  
فَسَيَعُ أَثَرَ الدَّمِّ

**13 - Bab: Perempuan Menggosok Dirinya Apabila Bersuci Daripada Haidh. (Bab) Bagaimana Dia Perlu Mandi Dan Mengambil Secebis Kain (Atau Kapas) Yang Dilumurkan Kasturi Untuk Disapu Pada Tempat Terkena Darah.<sup>265</sup>**

٣٠٣ - حَدَّثَنَا يَحْيَى قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ مَنْصُورِ بْنِ صَفِيَّةَ عَنْ أُمِّهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ امْرَأَةً سَأَلَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ غُسْلِهَا مِنَ الْمَحِيضِ فَأَمَرَهَا كَيْفَ تَغْتَسِلُ قَالَ خُذِي فِرْصَةً مِنْ مَسَكٍ فَتَطَهَّرِي بِهَا قَالَتْ كَيْفَ أَتَطَهَّرُ قَالَ تَطَهَّرِي بِهَا قَالَتْ كَيْفَ قَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ تَطَهَّرِي فَاجْتَبِذْهَا إِلَيَّ فَقُلْتُ تَتَّبِعِي بِهَا أَثَرَ الدَّمِّ

303 - Yahya meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu 'Uyainah meriwayatkan kepada kami daripada Manshur bin Safiyyah daripada ibunya daripada 'Aaisyah r.a. bahawa ada seorang perempuan<sup>266</sup> telah bertanya Nabi s.a.w. tentang mandi untuk bersuci daripada haidh. Baginda s.a.w. menceritakan kepada perempuan itu bagaimana cara mandinya. Kata Baginda s.a.w.: “Ambillah secebis kain (atau kapas) yang dilumur kasturi dan engkau bersucilah dengannya (selepas selesai mandi)”. Perempuan itu bertanya: “Bagaimana saya hendak bersuci dengannya?” Sabda Nabi s.a.w.: “Bersucilah dengannya”. Kata perempuan itu lagi: “Bagaimana saya hendak

<sup>265</sup> Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari r.a. mahu menyatakan sekurang-kurangnya tiga perkara. Pertama: Menjelaskan maksud kata-kata 'Aaisyah r.a. di dalam hadits di atas “Kamu sapulah dengannya tempat terkena darah itu.” Maksud beliau ialah kamu gosoklah dengannya tempat yang terkena darah itu. Kedua: Menggosok seluruh tubuh ketika mandi bersuci daripada haidh adalah wajib. Demikian juga pendapat Malik. Ketiga: Di bawah bab ini Imam Bukhari r.a. mengemukakan satu hadits yang hanya menyebutkan satu perkara sahaja daripada perkara-perkara yang disebutkan di dalam tajuk bab. Untuk yang lain-lain beliau hanya berpada dengan mengisyratkan saja kepada riwayat-riwayat yang menggabungkan kesemua arahan tentang kaifiat mandi ini. Antara riwayat yang menggabungkan kesemua arahan tentang kaifiat mandi untuk bersuci daripada haidh ialah yang dikemukakan oleh Muslim dan lain-lain. Sebagai contohnya hadits di bawah ini:  
عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ أَسْمَاءَ سَأَلَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ غُسْلِ الْمَحِيضِ فَقَالَ تَأْخُذُ إِذَا كُنَّ مَاءَهَا وَسِدْرَتَهَا فَتَطَهَّرُ فَتُحْسِنُ الطُّهُورَ ثُمَّ تُصَبُّ عَلَى رَأْسِهَا فَتَذْلُكُ ذَلِكَ شَدِيدًا حَتَّى تَبْلُغَ شَوْوْنَ رَأْسِهَا ثُمَّ تُصَبُّ عَلَيْهِ الْمَاءُ ثُمَّ تَأْخُذُ فِرْصَةً مُمَسَّكَةً فَتَطَهَّرُ بِهَا فَقَالَتْ أَسْمَاءُ وَكَيْفَ تَطَهَّرُ بِهَا فَقَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ تَطَهَّرِينَ بِهَا فَقَالَتْ عَائِشَةُ كَأَنَّهَا تُخْفِي ذَلِكَ تَتَّبِعِينَ أَثَرَ الدَّمِّ وَسَأَلَتْهُ عَنْ غُسْلِ الْجَنَابَةِ فَقَالَ تَأْخُذُ مَاءً فَتَطَهَّرُ فَتُحْسِنُ الطُّهُورَ أَوْ تُبْلِغُ الطُّهُورَ ثُمَّ تُصَبُّ عَلَى رَأْسِهَا فَتَذْلُكُ حَتَّى تَبْلُغَ شَوْوْنَ رَأْسِهَا ثُمَّ تُفِيضُ عَلَيْهِ الْمَاءَ فَقَالَتْ عَائِشَةُ نَعَمْ النِّسَاءُ نِسَاءُ النَّاسِ لَمْ يَكُنْ يَمْنَعُهُنَّ الْحَيَاءُ أَنْ يَتَفَقَّهْنَ فِي الدِّينِ.

<sup>266</sup> Berdasarkan riwayat Muslim namanya ialah Asmaa' binti Syakal. Menurut Khathib di dalam Mubhamatnya dan Ibnu al-Jauzi di dalam Tanqihnya perempuan ini bernama Asmaa' binti Yazid bin as-Sakan.

bersuci dengannya?” Nabi s.a.w. bersabda: “Subhanallah, Kamu bersucilah!” Kata `Aaisyah r.a. : Aku pun terus menariknya kepadaku sambil berkata: “Kamu sepuluh dengannya tempat terkena darah itu.”<sup>267</sup>

## ١٤ - باب غُسلِ المَحِيضِ

### 14 - Bab: Mandi Untuk Bersuci Daripada Haidh.<sup>268</sup>

٣٠٤ - حَدَّثَنَا مُسْلِمٌ بْنُ أَبِرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا وَهَيْبٌ حَدَّثَنَا مَنْصُورٌ عَنْ أُمِّهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ امْرَأَةً مِنَ الْأَنْصَارِ قَالَتْ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَيْفَ أَعْتَسلُ مِنَ الْمَحِيضِ قَالَ خُذِي فِرْصَةً مُمَسَكَةً فَتَوَضَّئِي ثَلَاثًا ثُمَّ إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَحْيَا فَأَعْرَضَ بِوَجْهِهِ أَوْ قَالَ تَوَضَّئِي بِهَا فَأَخَذَتْهَا فَجَذَبَتْهَا فَأَخْبَرْتُهَا بِمَا يُرِيدُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

<sup>267</sup> Antara pengajaran yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Perempuan-perempuan yang berhaidh atau bernifas apabila selesai daripada mandi bersuci digalakkan memakai wangi-wangian di samping melumurnya di tempat-tempat yang terkena darah. (2) Tidak ada kesalahan dan ke'aiban kepada orang-orang yang bertanya tentang urusan agamanya walaupun ia berkaitan dengan persoalan-persoalan sulit atau `aurat. (3) Perempuan-perempuan yang berhaidh atau bernifas apabila selesai daripada mandi bersuci digalakkan juga melumurkan kasturi (yang asli) pada sesuatu cebisan kain atau kapas atau tuala wanita lalu memakainya dibahagian kemaluannya. `Amalan seperti ini baik untuk kemesraan suami isteri selain ia juga baik untuk cepat lekat perut dan seterusnya melahirkan anak dengan selamat sejahtera. (4) Bertasbih apabila berasa ta'ajjub, pelik atau terkejut dengan sesuatu adalah sunnah Nabi s.a.w. (5) Kita digalakkan mengguna bahasa kiasan atau bahasa sindiran untuk menyatakan sesuatu yang berkaitan dengan `aurat. Penggunaan bahasa seperti itu dikira sudah memadai. (6) Dalam pembelajaran, murid perempuan boleh bertanya guru lelaki tentang perkara-perkara yang khusus dengan perempuan. Begitu juga sebaliknya. (7) Dalam pembelajaran, soalan yang sama boleh diulangi oleh seseorang pelajar jika ia belum faham. Guru juga boleh mengulangi jawapan yang sama jika dirasainya jawapan itu sudah memadai. (8) Seseorang murid yang telah faham tentang sesuatu boleh memahaminya kepada murid lain yang belum faham di hadapan guru mereka, jika ia pasti si guru memang senang dengan tindakannya itu. (9) Harus mengambil ilmu atau sesuatu kefahaman daripada yang kurang `alim dalam keadaan yang lebih `alim masih ada. (10) Dalam sistem pendidikan dan pengajaran, tidak disyaratkan setiap pendengar memahami sesuatu yang diajarkan seratus peratus sekali gus seperti yang dikehendaki guru. Sesetengah pelajar memerlukan masa untuk menghadhamkannya. (11) Kewajaran adanya tutorial dalam sistem pendidikan dan pembelajaran. (12) Bersimpati dan bersikap lembut dengan pelajar yang lambat faham atau sukar memahami pelajaran. (13) Nabi s.a.w. adalah seorang yang berakhlak mulia dan sangat pemalu. (14) Kesahihan `ardh (pembentangan hadits) di hadapan muhaddits, walaupun dia tidak berkata “Ya” di samping perakuannya.

<sup>268</sup> Antara tujuan Bukhari r.a. mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan bahawa kaifiat mandi bersuci kerana haidh itu berbeza sedikit daripada mandi bersuci kerana janabah. Perempuan-perempuan yang mandi bersuci daripada haidh dikehendaki menggosok dengan bersungguh-sungguh setiap bahagian tubuhnya. Ia juga dikehendaki membuka sanggul atau jalinan rambutnya supaya dibasahi air dengan sempurna. Ia juga dianjurkan supaya menggosok atau menyapu kemaluan, kawasan-kawasan sekitarnya atau tempat-tempat lain yang terkena darah dengan cebisan kain atau kapas yang dilumur kasturi atau lain-lain pewangi yang sesuai.